

buletin salam

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM TERENGGANU



OGOS
2022



SIDANG REDAKSI SALAM

PENASIHAT

Puan Norliza binti Ismail

KETUA PENGARANG

Puan Noraini binti Shamsuddin

PENOLONG KETUA PENGARANG

Encik Mohd Kamal Afif bin Rameli
Encik Mohd Fauzillah bin Md. Jaafar

SIDANG PENGARANG

Sidang Redaksi Salam

GRAFIK


Encik Mazli bin Che Mamat
Encik Mohd Fauzillah bin Md. Jaafar

FOTOGRAFI

Unit Media PPAT

PENERBIT

Sidang Redaksi SALAM
Perbadanan Perpustakaan Awam
Terengganu



Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu,
Jalan Kemajuan, Padang Hiliran,
21572 Kuala Terengganu,
Terengganu.

Tel : 09-622 1100

09-622 0052

Fax : 09-622 1534

E-mel : ppat@trglib.gov.my

URL : <https://www.trglib.gov.my>



www.trglib.gov.my



PPATerengganu



ppat@trglib.gov.my



ppaterengganu



PPAT TV

© 2022 Hak Cipta Terpelihara

Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluarkan,
ulangan, disimpan dalam sistem dapat kembali atau
disiarkan dalam apa-apa jua perkara samada secara
elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain
sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarang.

قُرْآنُكَنْ قُرْآنُكَنْ قُرْآنُكَنْ قُرْآنُكَنْ
PERBADANAN PERPUSTAKAAN
AWAM TERENGGANU



Selamat BERSARA

30 April 1987 - 31.8.2022

ARIFIN BIN MOHAMAD

Pembantu Pustakawan S22 (TBK1)
Bahagian Rangkaian Perpustakaan
(Perpustakaan Awam Daerah Dungun)



www.trglib.gov.my



PPATerengganu



ppat@trglib.gov.my



PPAT TV



PPATerengganu

Selamat Bersara diucapkan kepada En. Ariffin bin Mohamad, Pembantu Pustakawan Kanan Di PAD Dungun yang telah berkhidmat Di PPAT selama 35 Tahun 4 Bulan.



MOHD AMILUDDIN BIN ALI
PEMBANTU PUSTAKAWAN S19
PD FELDA NERAM 1



NORHAYATI BT MUHAMMAD KHILA
PEMBANTU PUSTAKAWAN S22
PD FELDA BUKIT BADING

Mengiktiraf dan menghargai pegawai dan kakitangan Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu (PPAT) yang telah mencapai tahap kecemerlangan. Menggalakkan persaingan sihat di kalangan warga kerja PPAT untuk meningkatkan prestasi kerja dan disiplin. Sebagai suntikan semangat kepada warga kerja PPAT untuk terus berkhidmat dengan lebih baik sekaligus membantu Jabatan merealisasikan penyampaian Kerajaan yang lebih cemerlang.







ABD RAHMAN CHE M MAT (A Rahman CM)

Lahir di Kg. Tebauk, Kuala Terengganu, A. Rahman C.M. menerima pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Bukit Tunggul, Kuala Terengganu, hingga tamat Darjah VII. Selepas itu beliau terus berkhidmat sebagai Guru Melayu. Dengan belajar sendiri, beliau lulus Sijil Pelajaran Malaysia dan akhirnya melanjutkan pelajarannya ke Universiti Malaya sehingga berjaya memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian.


HASIL KARYA YANG DIHASILKAN

IGAU • ORANG KETIGA • DALAM RINDU • KE HUJUNG USIA • SURAT DARI PENJARA • POTRET HATI • DI BAWAH UNGGUN API • MALAYSIA SELEPAS PERANG DUNIA KE-2 • SEBUNGKUS NASI • MENUNGGU TETAMU • ZUHUD • NURANI. BUNGA REMAJA • ORANG BERBAJU HIJAU • BERCUTI BERSAMA NENEK • BUKIT DI LEMBAH • IGAU • RINDU DAN SEBAGAINYA



ANUGERAH

- HADIAH SASTERA MALAYSIA
- HADIAH PENGHARGAAN DALAM PERADUAN MENULIS NOVEL ISLAM (ANUGERAH DARUL IMAN) ANJURAN PELITA DAN KERAJAAN NEGERI TERENGGANU
- HADIAH PENULISAN NOVEL SEJARAH UNTUK REMAJA
- DAN SEBAGAINYA



IMPACT OF COVID-19 ON ASIAN ECONOMIES AND POLICY RESPONSES


Nama Penulis : Yeung, Bernard, He, Zhiguo, Agarwal, Sumit
Penerbit : World Scientific Publishing Co.Pte.Ltd.
ISBN : 9789811229374
No. Panggilan : 330 95 IMP

THE COCKROACH SPIRIT OF IVY SOON : WAR WITH EPILEPSY

Nama Penulis : Ivy Soon
Penerbit : Dreamic Educare Advisory
ISBN : 9789671516089
No. Panggilan : 808882 IVY

LATIHAN LITERASI MEDIA DAN MAKLUMAT (LLM)

Sepanjang bulan Ogos 2022, Perpustakaan Awam Negeri Terengganu telah mengadakan 2 kali kursus Literasi Media dan Maklumat (LLM) iaitu pada 3 Ogos 2022 untuk SK Bukit Tok Beng, Kuala Terengganu dan 9 Ogos 2022 kepada Sekolah Menengah Imtiaz Kuala Nerus.



Dalam sesi LLM ini, para pelajar mendapat pendedahan dengan lebih jelas berkaitan sistem operasi perpustakaan yang sebenarnya. Satu pengalaman yang sangat baik dan berguna bagi mereka untuk dipraktikkan kembali di perpustakaan sekolah masing-masing. Di samping itu juga, para pelajar dan guru-guru yang hadir turut diberi pendedahan berkaitan dengan u-Pustaka.

SEMINAR MEMPERINGATI TUAN GURU HAJI ABDUL RAHMAN LIMBONG DAN SAREKAT ISLAM TERENGGANU

Pada 7 Ogos yang lalu, satu Seminar Memperingati Tuan Guru Haji Abdul Rahman Limbong dan Sarekat Islam Terengganu di Dewan Teater, PPAT yang telah disampaikan oleh Ustaz Dr. Fadhil Ghani dan Prof. Dr. Kamaruzaman Yusoff.

Program ini diadakan bersempena dengan bulan kemerdekaan bagi menceritakan pengkisahan sejarah yang akan membuka ruang fikir rakyat bahawa negeri Terengganu ini kaya dengan sejarah perjuangan mendobrak kehadiran penjajah asing satu ketika dahulu.



Kebangkitan rakyat Terengganu menentang penjajahan diawali dan digerakkan oleh para alim ulama, antaranya Tuan Guru Haji Abdul Rahman Limbong, Tokku Paloh, Tuan Guru Musa Minangkabau, Tuan Guru Haji Umar Siam, Tuan Guru Haji Abbas dan lain- lain nama.

Semoga program ini menambahkan koleksi ilmu dan maklumat kepada generasi muda akan tinta emas yang ditoreh pada perjuangan di negeri Terengganu ini.



MAJLIS SAMBUTAN HARI ASYURA

Saban tahun apabila menjelang bulan Muharram, sudah tentu umat Islam akan mengingati tarikh 10 Muharram dengan pelbagai amalan dan ibadah yang dilakukan. Perpustakaan Awam Negeri Terengganu dengan kerjasama Kelab Sukan Perpustakaan (PERPAT) turut menyambut bulan ini dengan memasak bubur Asyura. Program ini telah menjadi salah satu acara tahunan yang sentiasa ditunggu-tunggu oleh semua kakitangan.



Sesuai dengan program ini, hubungan kekeluargaan yang semakin erat dapat dilihat sepanjang proses menyiapkan bubur tersebut. Sebanyak 5 kawah telah disiapkan hasil kerjasama dari kakitangan terlibat. Kesemua bubur yang telah siap dimasak tadi akan diagihkan kepada semua kakitangan PPAT. Semoga amalan ini menjadi pemangkin kepada kita untuk menjadi insan yang lebih baik serta mendapat kemuliaan diri di dunia dan akhirat.



LAWATAN KONTEKSTUAL PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI PERLIS



Penanda aras merupakan satu proses yang sistematik dan berterusan untuk penambahbaikan perkhidmatan perpustakaan, motivasi peserta lawatan, teknologi baharu, reka bentuk, percambahan idea dan bertukar pendapat serta berkongsi amalan terbaik daripada organisasi yang sama atau organisasi yang lain. Ini kerana, lawatan penanda aras adalah langkah yang baik ke arah penambahbaikan berterusan serta berkesan sejajar dengan visi dan misi Perpustakaan.

Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis telah mengadakan lawatan kontekstual ke Perpustakaan Awam Negeri Terengganu (PPAT) pada 14 Ogos 2022. Seramai 40 orang peserta yang terdiri daripada Pengarah dan kakitangan Perpustakaan Awam Negeri Perlis.

Hasil daripada lawatan penandaarasan ini bukan sahaja dapat memberikan motivasi kepada kakitangan perpustakaan yang hadir, tetapi turut membantu menghasilkan ilmu pengetahuan dalam meningkatkan mutu kerja kepada kakitangan PPAT.



MEMBINA POTENSI DIRI DAN KECEMERLANGAN SPM



“

**ORANG BERJAYA MEREKA
SENTIASA Mencari JALAN
SUPAYA MATLAMAT
MEREKA MENJADI SATU
KENYATAAN.
BUAT TANPA ALASAN,
TIDAK MENGELUH ATAU
MENYALAHKAN SESIAPA**

”

Pada 16 Ogos 2022, Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu telah menganjurkan Program Membina Potensi Diri Dan Cemerlang SPM bersama Sir Habib (Master Teacher Part time EL Lecture/Trainer) di Dewan Teater, PPAT.

Program motivasi membina potensi diri dan kecemerlangan SPM adalah program yang di adakan untuk pelajar tingkatan 5 yang bakal menduduki SPM sebagai penyuntik semangat untuk mencapai kecemerlangan di saat akhir menjelang peperiksaan sebenar.

Seramai 150 orang pelajar yang akan menduduki SPM telah mengikuti seminar yang dianjurkan. Antara objektif utama program ini adalah untuk memberi pendedahan kepada para pelajar tatacara pengurusan diri di samping melahirkan insan yang cergas dalam semua sudut.



PROGRAM KEMBARA SEMANGAT TERENGGANU DARUL IMAN SEMPENA DEKAD MEMBACA KEBANGSAAN

Pada 22 dan 23 Ogos 2022, telah berlangsung satu program ilmu di Dewan Teater, Perpustakaan Awam Negeri Terengganu (PPAT) dengan tujuan untuk membangunkan potensi, ilmu dan kemahiran dalam pelbagai bidang khususnya penulisan dan literasi serta menerapkan budaya membaca dalam keluarga dan masyarakat. Program ini merupakan sebuah program jelajah ilmu dan inspirasi keseluruhan negara yang melibatkan pelbagai lapisan masyarakat.



Program ini telah dikendalikan sepenuhnya oleh Bonda Nor Sdn Bhd. Program ini diadakan sempena dengan kempen Dekad Membaca Kebangsaan (DMK). Terdapat 4 segmen di dalam program Kembara Semangat yang dijalankan dengan tujuan untuk menyebarkan gelombang kebangkitan positif di kalangan masyarakat.

4 segmen utama iaitu Seminar Wanita Bangkit, Bengkel Tulislah, Be Strong Circle (BSC) dan Bengkel Perdana EKSPRES-I yang dijalankan telah melibatkan para pelajar dan warga pendidik dalam membina keyakinan serta minda yang kuat dalam mengharungi tuntutan kerja seharian.



Nor Syazwani (35)

Bagi saya, kemerdekaan adalah kebebasan untuk setiap individu hidup dengan aman dan tenang serta mempunyai kebebasan bersuara dan menilai jati diri sendiri.

Muhammad Adam Muqhriz bin Abdul Rahman (19)

Merdeka merupakan kebebasan atas kemerdekaan tanah melayu daripada jajahan British. Hal ini telah memberi ruang kepada Malaysia menentukan halatuju pembangunan sebuah negara untuk membuat keputusan sendiri tanpa campur tangan daripada pihak luar.



Mohd Shukri bin Wi (49)

Kemerdekaan adalah pembebasan ke atas individu daripada dibelenggu penjajahan pemikiran yang akan membentuk pemikiran dan jati diri berteraskan agama serta semangat kenegaraan yang jitu.

Muhaisham bin Ibrahim (50)

Kemerdekaan membawa erti yang begitu luas. Satu daripadanya ialah kita bebas dalam menentukan halatuju dan erti hidup kita sendiri tanpa dipengaruhi oleh pihak lain. Kita juga tidak lagi dijajah dengan aliran pemikiran yang negatif dan sempit dalam merencana perjalanan hidup individu untuk mencapai kejayaan yang sebenar.



Tribia Peristiwa Merdeka : Pemilihan Tarikh 31 Ogos 1957



Syeikh Abdullah Fahim, telah mencadangkan Tunku Abdul Rahman untuk memilih 31 Ogos 1957 sebagai tarikh Hari Kemerdekaan.

Tunku Abdul Rahman mendapatkan pandangan Syeikh Abdullah Fahim kerana beliau adalah seorang yang tokoh dalam ilmu Falak.

Pihak British bersetuju dan akhirnya 31 Ogos 1957 ditetapkan sebagai tarikh kemerdekaan.

Pada 20 Februari 1956 di Dataran Pahlawan, Bandar Hilir, Melaka, tarikh kemerdekaan Tanah Melayu diumumkan.

Dokumen Pemasyhuran kemerdekaan 1957

Dokumen Pemasyhuran kemerdekaan 1957 ditulis dalam dua bahasa iaitu Bahasa Melayu dalam tulisan jawi dan Bahasa Inggeris.

Dokumen ini adalah pernyataan kemerdekaan yang penting sebagai tanda pembebasan politik daripada pihak penjajah.

Pemasyhuran ini juga bermakna kita tidak lagi dijajah atau dikuasai oleh orang lain dan kita bebas menentukan bentuk pemerintah mengikut acuan dan hala tuju negara kita sendiri.





Kita semua rakyat Malaysia. Inilah ikatan yang menyatukan kita. Marilah kita sentiasa ingat bahawa perpaduan adalah kekuatan asas kita sebagai rakyat dan negara.

Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj
Perdana Menteri Malaysia Pertama
1957-1970





buletin salam

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM TERENGGANU

**PERBADANAN PERPUSTAKAAN
AWAM TERENGGANU**

Jalan Kemajuan, Padang Hiliran,
21572 Kuala Terengganu,
Terengganu Darul Iman

© 2022 Hak Cipta Terpelihara



www.trglib.gov.my

